

Ramai wanita tidak lapor kena dera, gangguan seksual

KUALA LUMPUR: Ramai wanita tidak melaporkan kes keganasan rumah tangga dan gangguan seksual di tempat kerja kerana malu dan kurang kesedaran wujudnya akta yang boleh membantu mereka berdepan masalah itu.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Noriah Kasnon, berkata fenomena itu menyebabkan usaha membantu mangsa teraniaya sukar dilakukan.

"Kajian Badan Kesihatan Sedunia pada 2005 di kalangan 25,000 wanita daripada 10 negara menyatakan 55 hingga 95 peratus yang didera secara fizikal oleh pasangan tidak melaporkannya kepada polis, badan bukan kerajaan (NGO) atau mendapatkan perlindungan.

"Ia disebabkan mereka malu, kurang kesedaran atau tidak tahu hak mereka. Berikutan itu, mangsa me-

ngalami penderaan berterusan tanpa mendapat perhatian masyarakat dan perlindungan sewajarnya sekali gus menyebabkan mereka mengalami gangguan mental, emosi dan masalah kesihatan," katanya pada perasmian Hari Wanita Sedunia, di sini semalam.

Teks ucapan beliau dibacakan Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita,

Datuk Dr Noorul Ainur Mohd Nur. Hadir sama, Naib Presiden Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO), Datuk Ramani Gurusamy dan Pengerusi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Tan Sri Zaleha Ismail.

Noriah berkata, berdasarkan statistik polis, 104 kes gangguan seksual membabitkan suspek di kalangan majikan dan rakan sekerja dilaporkan tahun lalu iaitu setakat September 2008.

"Perangkaan kes keganasan rumah tangga pula menunjukkan 2,761 kes dilaporkan hingga tiga suku tahun 2008 dilihat masih tinggi berbanding 3,756 kes pada 2007.

"Bagi meningkatkan kesedaran wanita negara ini, kementerian akan mengedarkan risalah mengenai gangguan seksual di tempat kerja dan diedarkan di seluruh kementerian serta agensi," katanya.

FAKTA NOMBOR

2,761

kes

Keganasan rumah tangga 2008

104

kes

Gangguan seksual 2008